

FATWA MUAMALAT DI MALAYSIA: SATU KAJIAN LITERATUR

Nora'inan bt. Bahari

norainan@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Fatwa merupakan suatu instrumen yang dinamik dalam perkembangan hukum Islam di Malaysia terutama dalam hal ehwal muamalat maliyyah (kehartaan) yang membolehkan bidang ini berkembang di kalangan masyarakat di Malaysia. Selain itu pengetahuan dan amalan muamalat di kalangan masyarakat juga turut dikembangkan oleh penulisan dan kajian dalam bidang berkaitan. Kajian yang dilakukan secara deskriptif ini akan membuat analisis terhadap penulisan dan juga kajian yang dilakukan berkaitan fatwa muamalat khususnya sebelum dan selepas pelaksanaan perbankan Islam di Malaysia bagi melihat perbezaan dan persamaan yang mencerminkan kedinamikan fatwa itu sendiri. Justeru kajian mendapati aspek dinamisme fatwa itu terlihat khususnya dalam fatwa yang dikeluarkan pada alaf ke 20 meliputi aspek-aspek perkembangan teknik pengeluaran fatwa, sebab pengeluaran fatwa, penggunaannya dalam perundangan dan mahkamah, isu dalam pelaksanaan fatwa di kalangan industri dan isu penguatkuasaan.

Kata Kunci: Fatwa, Muamalat, Perbankan Islam

1.0 PENDAHULUAN

Muamalat secara umum adalah hubungan antara manusia dengan manusia khususnya muamalat am yang berkaitan dengan harta seperti konsep harta, teori pemilikan, kontrak, jual beli, syarikat, wakaf, pelaburan dan gadaian. Bagaimanapun ia tidak banyak ditulis dan dikaji di Malaysia kerana perkembangan pesat hanya berlaku selepas perbankan Islam ditawarkan pada tahun 1983. Walau bagaimanapun penulisan berbentuk fiqh ada disentuh oleh para penulis dan pengkaji sejak dahulu lagi. Kertas ini bersifat kajian analisis kandungan (*content analysis*) melibatkan penulisan dan kajian terdahulu terutamanya berkaitan fatwa muamalat di Malaysia.

Trend penulisan dan kajian berkaitan muamalat dan fatwa boleh dibahagikan kepada dua era iaitu sebelum dan selepas perbankan Islam ditubuhkan iaitu tahun 1983. Penulisan fatwa muamalat sebelum dan selepas merdeka banyak berkisar tentang jual beli, riba dan zakat yang dijelaskan dalam bentuk soalan dan jawapan. Manakala penulisan seterusnya sehingga tahun 1983 menumpukan kepada isu dan syor penambahbaikan yang lebih menyeluruh tentang institusi fatwa dan isu-isu berkaitan yang dianalisis berdasarkan fatwa.

Penulisan dan kajian selepas 1983 sehingga masa kini pula dijalankan selaras dengan perkembangan muamalat itu sendiri yang mana bukan sahaja menyentuh kontrak-kontrak lazim seperti *al-mudarabah*, *al-murabahah*, *qard hasan*, *wadi`ah* dan *al-wakalah* yang diaplikasikan dalam perbankan Islam dan takaful malahan berkembang kepada produk-produk yang lebih baru seperti *qirad*, sistem matawang, hak cipta, dagangan mata wang, *caveat emptor*, sukuk, pasaran modal, takaful, percukaian, institusi zakat dan keselamatan sosial.

Pemerhatian terhadap bentuk dan kaedah penulisan fatwa muamalat pula mendapati terdapat penumpuan kepada tema dan aspek tertentu seperti tentang sejarah, perundangan dan pentadbiran. Selain itu terdapat pendekatan kaedah analisis data yang berbeza seperti analisis perundangan, penerimaan masyarakat, masalah pelaksanaan, aplikasi dalam perundangan dan industri serta amalan di negara-negara jiran. Pada keseluruhannya penulisan fatwa muamalat adalah amat kurang berbanding penulisan tentang muamalat. Bagaimanapun untuk tujuan penjelasan lanjut tentang literatur yang dimaksudkan, berikut dijelaskan sorotan terhadap penulisan dan kajian berkaitan fatwa muamalat di Malaysia.

2.0 FATWA MUAMALAT

Fatwa menurut Ibn Manzur¹ diambil daripada perkataan *afṭa-ifta'an* yang memberi maksud menjelaskan dan menghuraikan hukum permasalahan. Manakala Mustafa Sanu Qutb² mengistilahkan sebagai jawapan yang dibuat oleh mufti atau *faqih* pada perkara atau hukum yang berlaku apabila diajukan soalan kepadanya; atau mengkhabarkan hukum Allah SWT sama ada yang mesti atau harus. Berdasarkan penjelasan di atas, fatwa dalam pengertian bahasa dan istilah Usul fiqh bermaksud jawapan kepada permasalahan yang memerlukan hukum dikeluarkan oleh mufti atau mujtahid yang tidak mengikat seseorang untuk mengikuti fatwa ini yang bermaksud boleh berpegang kepada fatwa oleh mufti atau mujtahid lain yang kompeten iaitu memenuhi syarat untuk mengeluarkan fatwa dan menggunakan metodologi yang benar.

Walau bagaimanapun fatwa adalah lebih khusus daripada ijtihad kerana dalam melakukan ijtihad tujuannya adalah mengeluarkan hukum dengan usaha yang maksima bagi sesuatu perkara sama ada yang telah berlaku atau belum berlaku manakala fatwa dikeluarkan bagi sesuatu masalah yang benar-benar telah berlaku.³ Oleh itu semua mujtahid adalah mufti yang boleh mengeluarkan fatwa tetapi tidak semua mufti adalah mujtahid⁴ kerana seorang *muqallid* boleh mengeluarkan fatwa berpandukan kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh ilmu Usul fiqh termasuk mengetahui kaedah dan sandaran hukum oleh Imam mazhab dalam mentafsir hukum yang tidak jelas atau hukum yang mempunyai dua pengertian.⁵ Malahan pada masa kini mufti tidak mencapai martabat mujtahid yang mutlak bahkan kebanyakannya mengambil pandangan Imam mazhab dalam kibat-kitab fiqh mereka yang muktabar. Bagaimanapun apabila persoalan baharu ditimbulkan adalah satu kewajipan untuk mufti menjawabnya sama ada secara individu (*ijtihad fardi*) atau secara kolektif (*ijtihad jama'i*).⁶

¹Ibn Manzur (t.t.), *Lisan al-'Arab*. j. 15. Beirut: Dar Sadir; t.t., h.147-148.

²Mustafa Sanu Qutb (2000M/1420H), *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Masyriq, h. 312.

³ Muhammad Abu Zuhrah (1957), *Usul al-Fiqh*, Kaheerah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 401.

⁴Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali (m. 505H), (1993M/1414H), *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*, j. 1, c. 3, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi Muassasah al-Tarikh al-'Arabi, 115.

⁵Lihat Ibn 'Abidin *Majmu'ah Rasail Ibn 'Abidin* (1325H), Beirut: Dar al-Ma'rifah, Dipetik dari Othman Ishak (1981), *Fatwa Dalam Perundangan Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 17-18.

⁶Irwan bin Muhammad Sabri (2012), *al-Ahkamwa al-Fatawa al-Shar'iyahbayna al-Thabatwa al-Taghayyur* Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 101-102.

Di Malaysia fatwa adalah keputusan atau pandangan hukum para mufti yang akan dikuatkuasakan setelah diwartakan di peringkat negeri dan ia bukanlah sesuatu yang akan mengikat seluruh rakyat tetapi hanya pada negeri yang menguatkuasakannya. Kajian ini akan hanya menumpukan kepada fatwa muamalat yang berkaitan dengan harta dan lebih khusus lagi aspek-aspek muamalat/ekonomi Islam sebagaimana pengkategorian yang dibuat dalam senarai fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri.⁷

3.0 LITERATUR FATWA MUAMALAT DI MALAYSIA

Penulisan dan kajian tentang fatwa telah dilakukan dengan agak menyeluruh meliputi bidang sejarah, pentadbiran, perundangan, kajian tempatan dan analisis kandungan. Berdasarkan penelitian awal, belum ada penulisan atau kajian menyeluruh yang mengkaji dan menganalisis fatwa muamalat di Malaysia. Hal ini disebabkan aspek muamalat adalah perkara baru yang mula berkembang di Malaysia selepas perbankan Islam diperkenalkan pada tahun 1983. Bagaimanapun sudah terdapat kajian dan penulisan fatwa yang menumpukan kepada sesuatu aspek seperti metodologi, perundangan, aplikasi dalam industri, analisis dalam isu-isu kewangan dan kajian fatwa muamalat di negeri-negeri di Malaysia. Terdapat juga kompilasi fatwa yang dibuat oleh pihak berkuasa agama sama ada dengan jelas membuat pengumpulan berdasarkan kategori seperti munakahat, muamalat dan ibadat atau mengumpulkannya secara bercampur tanpa kategori. Oleh itu analisis akan dilakukan terhadap penulisan dan kajian lalu yang mempunyai kaitan dengan fatwa muamalat di Malaysia.

4.0 PENULISAN DAN KAJIAN FATWA MUAMALAT SEBELUM PENUBUHAN PERBANKAN ISLAM

Di peringkat awal, penulisan berkaitan fatwa muamalat kebanyakannya terkandung dalam kitab-kitab fiqh yang mengandungi bukan sahaja aspek muamalat tetapi juga ibadat, munakahat dan jenayah. Ia dikarang dalam bentuk soalan dan jawapan. Bagaimanapun terdapat perbezaan gaya persembahan. Bagaimanapun ketiga-tiganya adalah berdasarkan mazhab Shafi'i dan kitab asal

⁷Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my>, 17 Mei 2012. Sebagai contoh lihat seksyen 49 (1) Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

sebelum diterjemahkan. Antaranya Kasf al-Litham⁸ yang siap ditulis pada Ramadhan 1348H dan Mir'ah al-Tullabyang siap ditulis pada tahun 1309H⁹serta Fatawa al-Fataniyyah.¹⁰Kitab pertama iaitu Kasf al-Litham dikarang dalam bentuk pertanyaan dan jawapan seperti bentuk fatwa sebaliknya Mir`ah al-Tullab dikarang dalam bentuk soalan dan jawapan yang kedua-duanya dalam bentuk andaian. Manakala Fatawa al-Fataniyyah lebih lengkap walaupun datang dalam bentuk soalan dan jawapan tetapi dinyatakan sekali dengan kaedah pengeluaran hukum. Penulisan oleh Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain Al-Fathani (m1908M)¹¹ tentang fatwa muamalat adalah berdasarkan mazhab Syafi'i dan bagi tujuan menjawab persoalan dari masyarakat dalam dunia Melayu, ia ditulis dalam bahasa Melayu bertulisan jawi. Bahagian muamalat boleh ditemui dalam soalan no. 41 tentang jualbeli secara tunai dan jual beli secara tangguh dengan menaikkan harga hingga ke soalan no. 54 tentang wakaf manakala zakat diletakkan dalam bahagian yang berasingan.

Metode pengeluaran hukum oleh beliau adalah berdasarkan kaedah Usul fiqh, ilmu al-Quran, hadis, bahasa Melayu dan sebagainya. Sebagai contoh jawapanno. 48 yang menggunakan kaedah “Darurat menarik manfaat dan menolak mudarat”, manakala rujukan ayat al-Quran (surah Muhammad: 8 dan al-Nisa’: 48 dan 116) ditemui seperti jawapan dalam soalan no. 53. Rujukan terhadap hadis nabi SAWpula dilihat dalam jawapan no. 54 (tiga perkara yang tiada putus pahala kepada anak adam walaupun telah meninggal dunia) manakala penggunaan `illah hukum pada jawapan no. 41 dan perbandingan mazhab pada jawapan no. 50. Metode sedemikian memberikan

⁸Zayn al-`Abidin ibn Muhammad al-Fatani (t.t.), *Kasf al-Litham `an As`ilah al-Anam, (Hashiyah Kitab Wishah al-Afrak wa Asbah al-Falah*, Muhammad bin Isma`il Dawud al-Fatani, Dawud al-Fatani, Kaerah: `Isa al-Babi al-Halabi wa Sharikah, j. 1, 155-407. Tajuk buku ini bermaksud ‘membuka tutup muka daripada segala masalah pertanyaan manusia’. Berasaskan tajuk ini dapat dikesan pengeluaran fatwa malahan di juzuk satu dimulakan dengan ayat “(Tanbih) Telah memfatwakan oleh setengah mereka itu...” Zarkashidan Ibn Hajar. Perbincangan tentang masalah muamalah berada di bawah tajuk (*kitab*) jual beli hingga wadi`ah. Di akhir kitab ini dijelaskan tentang kitab ini. “Satu kitab fiqh yang besar dalam Bahasa Melayu, yang mengandungi masalah fiqh mazhab Shafi'i, yang jarang dijumpai. Diterjemahkan daripada kitab-kitab Arab oleh Syeikh Zayn al-`Abidin bin Muhammad al-Fatani yang memindahkan dari kitab fiqh yang muktabar seperti *Tuhfah Ibn Hajar, Nihayah Ramli* dan *Sharh Minhaj* bagi *Muhalla*”.

⁹Abd al-Ra'uf Singkel, *Mir`ah al-Tullab* (diterjemahkan dari kitab *Fath al-Wahhab* karangan Malik al-Wahhab Bak, (1309H), Mekah: al-Matba`ah al-Muhammadiyah. Perbincangan tentang muamalat dimulai padahalaman 7 dengan tajuk (*matlab*) jual beli hingga keju`alah.

¹⁰Hj. Wan Mohd. Saghir Abdullah (1997), *Al-Fatawa al-Fataniyah Syeikh Ahmad Al-Fathani*, Jil. 2, c.2, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah. Beliau menjadi penyusun kepada buku nendanyaini.

¹¹*Ibid.*

gambaran jelas tentang jawapan walaupun ia ditujukan kepada masyarakat umum yang mempunyai pelbagai latar belakang.

Menurut Ahmad Hidayat dalam laporan penyelidikannya, pada awal kurun ke dua puluh ini juga terdapat fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri atau oleh mufti-mufti yang dilantik oleh Sultan. Walau bagaimanapun tiada kompilasi yang dibuat terhadap fatwa-fatwa ini. Segala fatwa yang menjawab persoalan dalam masyarakat termasuk dalam bidang muamalat menjadi rujukan apabila ada kepentingannya. Contohnya fatwa haram amalan riba oleh koperasi yang dikeluarkan mufti Perak iaitu Sheikh Islam Perak Tuan Sheikh Mohamed Salleh menjadi rujukan keputusan State Council Perak pada 15 Februari 1922.¹²

Antara kompilasi awal tentang fatwa yang dibuat oleh pihak berkuasa agama ialah kompilasi 29 buah fatwa oleh Tuan Guru Dato' Syed Alwi bin Tahir Al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor¹³ dari 1934M/1354H hingga 1961M/1381H. Bentuk penulisannya adalah sama seperti *al-Fatawa al-Fataniah* iaitu dalam bentuk soalan dan jawapan dalam bahasa Melayu tetapi bertulisan rumi. Oleh kerana tiada klasifikasi bidang seperti yang dilakukan oleh Syeikh Ahmad al-Fathani maka zakat didapati diletakkan selari dengan 13 isu-isu muamalat lain seperti riba, insurans, transaksi perbankan dan loteri.

Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan, tiada kenyataan jelas tentang metode pengeluaran hukum. Namun demikian dalam sesetengah jawapan dinyatakan rujukan kepada hadis (seperti soalan 14 tentang wang bunga *saving bank*) dan kitab fiqh seperti *Bughyah al-Mustarsyidin* (seperti soalan 13 tentang riba dalam syarikat kerjasama). Penggunaan dalil al-Quran nampaknya tiada digunakan dalam menjawab persoalan tetapi dalam soalan 13 di atas, dalil pengharaman riba itu digunakan oleh penanya dan soalan dijawab berdasarkan dalil yang dinyatakan. Walaupun demikian, sebagai sumber utama perundangan Islam ia pasti dijadikan rujukan

¹²W.r. Roff, *Kerjasama dan Koperasi di Semenanjung 1910-1941*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 98-99. Dipetik dari Ahmad Hidayat Buang (11 April 2000), *Projek Penganalisan Fatwa-Fatwa Semasa Di Malaysia* (IRPA 07-02-03-0403), Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 7.

¹³Jabatan Agama Johor, (1981M/1401H), *Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor*, jil. 1 dan 2, c. 3, Johor Bahru: Jabatan Agama Islam Johor dipetik dari *Buku cenderamata Majlis Memperingati Tokoh Ulama Silam yang ke IX 1983/84-Tuan Guru Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad* (1984), Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

walaupun tidak dituliskan dalilnya. Justeru, bagi melengkapkan dan memantapkan jawapan adalah lebih baik nas atau dalil dinyatakan. Bagaimanapun oleh kerana pertanyaan datang dari masyarakat awam didapati bentuk jawapan adalah ringkas dan menjadi munasabah juga kaedah pengeluaran hukum dan sumbernya tidak dinyatakan.

Kompilasi seterusnya telah diusahakan oleh pihak-pihak berkuasa agama negeri-negeri selain Johormelalui Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Antaranya Terengganu (Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Terengganu: Dari Tahun Hijrah 1372-1389 Bersamaan Tahun 1953-1970), Kelantan (Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan Dato' Haji Muhammad Syukri Muhammad 1993), Kedah (Fatwa Kedah Darul Aman tanpa tahun) dan Selangor (Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan 1991-1997). Secara umum koleksi tersebut tidak lengkap kerana tiada fatwa terkini, tiada asas rujukan dan alasan hukuman.¹⁴

Selain bentuk kompilasi fatwa seperti di atas, terdapat penulisan semasa yang menulis tentang fatwa di Malaysia termasuk penulisan tentang institusi fatwa atau hukum substantif dalam fatwa termasuk bidang muamalat dan mengaitkannya dengan perbincangan tentang metodologi pengeluaran fatwa. Antaranya kajian peringkat doktor falsafah oleh Othman Ishak yang kemudiannya telah diterbitkan¹⁵ tentang fatwa di Malaysia di awal tahun 80an yang menyentuh tentang kedudukannya dalam perundangan Islam di negeri-negeri Melayu dari sudut sejarah dan tafsirannya bagi memahami dan memperbaiki kelemahan dalam fatwa yang mengurangkan autoritinya dalam perundangan di Malaysia. Analisis juga dibuat terhadap fatwa yang kritikal sama ada kerana masalah baru atau fatwa baru yang dikeluarkan bertentangan dengan fatwa terdahulu mendapati keputusan hukum yang dikeluarkan masih dipertikaikan bahkan kadangkala tidak diterima oleh agensi kerajaan sendiri dan antara kelemahannya ialah keputusan hukum tidak selaras dan masih lagi menjadi isu hingga kini¹⁶, tiada rujukan yang memuaskan, tiada keahlian khusus dan tidak terdiri daripada semua mazhab.

¹⁴Dipetik dari Ahmad Hidayat Buang (11 April 2000), *Projek Penganalisaan Fatwa-Fatwa Semasa Di Malaysia* (IRPA 07-02-03-0403), Kuala Lumpur :Universiti Malaya, h. 8.

¹⁵ Othman Ishak(1981), *Fatwa Dalam Perundangan Di Malaysia*. Kuala Lumpur :Fajar Bakti Sdn. Bhd.

¹⁶Lokmanulhakim Hussain. *Penyelarasan Isu Fatwa dan Cabaran. Monograf INFAD 2013*; 2 : 6-29.

Antara fatwa yang dianalisis termasuklah fatwa muamalat berkaitan insurans nyawa, faedah dari wang simpanan, pembahagian harta sepencarian, wang loteri kebajikan masyarakat, pemberian barang secara ansuran yang lebih tinggi dari pembelian tunai dan zakat terhadap cukai pendapatan. Beliau mengesyorkan agar fatwa hendaklah dikeluarkan dengan berhati-hati supaya sesuai dengan ajaran Islam dan masyarakat boleh menerimanya dengan serius.¹⁷

Bagaimanapun kajian ilmiah di peringkat sarjana dan doktor falsafah tentang muamalat atau fatwa muamalat nampaknya tidak menjadi kecenderungan pada era ini dan berlaku sebaliknya selepas penubuhan perbankan Islam.

5.0 PENULISAN DAN KAJIAN FATWA MUAMALATSELEPAS PERBANKAN ISLAM

Pada era akhir 1980an sehingga masa kini penulisan dan kajian berkaitan fatwa semakin giat dijalankan dalam pelbagai bentuk dan pendekatan. Antaranya sejarah implementasi undang-undang dan fatwa muamalat, pendekatan deskriptif tentang institusi fatwa di Malaysia dengan sedikit sentuhan tentang fatwa muamalat, aspek yang lebih khusus seperti analisis fatwa syariah dan analisis fatwa dalam kewangan, metodologi, penerimaan masyarakat, penyerapan dalam undang-undang dan kajian di beberapa negeri di Malaysia.

Antaranya kajian yang komprehensif oleh Abd. Jalil Borham¹⁸ terhadap undang-undang mal atau sivil pertama di Malaysia iaitu *Majalat Ahkam Johor* yang mengambil sebahagian peruntukan dari *Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah* Turki. Sistem ini bukan sahaja terpakai kepada orang Islam tetapi kesemua penduduk di Johor dan kesemua agensi kerajaan seperti mahkamah dan jabatan Agama Islam lebih-lebih lagi mufti. Ia mengandungi 72 kitab yang dimulai dengan jual beli dan diakhiri dengan kitab ke 16 iaitu *qada'*. Oleh kerana *Majallah* berasaskan mazhab Hanafi maka pengubahsuaian telah dilakukan secara minima bagi menyesuaikan dengan suasana dan mazhab pegangan di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun ini bukanlah satu kesalahan dalam

¹⁷Othman Ishak(1981), *Fatwa Dalam Perundangan Di Malaysia*.

¹⁸Abd Jalil Borham (1997), "Majalat Ahkam Johor Ditinjau Dari Aspek Latar Belakang Dan Pengaruhnya Terhadap Pentadbiran Sistem Muamalat Islam di Negeri Johor". (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Bahagian Pengajian Syariah, Akaedemi Islam Universiti Malaya).

pengeluaran fatwa. Bagaimanapun ia telah diketepikan apabila undang-undang Inggeris dilaksanakan dan para hakim dan pegawai Inggeris yang tidak memahami undang-undang ini telah mengambil jalan mudah menggunakan undang-undang Inggeris.

Manakala Hasnan Kasan¹⁹ yang menulis tentang institusi fatwa di Malaysia 27 tahun selepas penulisan oleh Othman Ishak juga mendapati isu rujukan kepada fatwa yang tidak dijelaskan masih lagi berlaku. Bagaimanapun institusi fatwa yang menjadi skop dalam penulisan Hasnan tidak memasukkan Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia sebagai `institusi` yang mengeluarkan fatwa atau keputusan hukum sedangkan kedua-duanya mempunyai autoriti dalam perkara tersebut di Malaysia. Di bawah tajuk “Fatwa-fatwa Berkenaan Isu Semasa” analisis terhadap fatwa-fatwa di negeri-negeri di Malaysia dibuat terhadap beberapa isu muamalat selain akidah dan ibadah. Antaranya tentang zakat gaji, harta wakaf, wang faedah bank, wang loteri, insurans dan amanah saham.

Persoalan tentang isu muamalat dalam fatwa semasa di Malaysia kemudiannya dianalisis dengan agak komprehensif dalam penulisan Ahmad Hidayat bin Buang bertajuk “Analisa Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia”.²⁰ Walaupun analisis dilakukan terhadap kategori umum syariah tetapi dalam analisisnya didapati pengasingan kepada sub-bidang muamalat seperti wakaf, jual beli, riba dan saham/pelaburan. Di samping itu analisis secara sampel dilakukan terhadap fatwa terpilih yang mempunyai kepentingan kepada umat Islam di Malaysia.

Penerbitan hasil penyelidikan yang dilakukan sehingga tahun 2000 ini mendapati tumpuan metodologi fatwa di Malaysia adalah kepada mazhab Syafi`i dengan mengambilkira pandangan mazhab yang lain atas dasar kemaslahatan jika pandangan dari mazhab Syafi`i tidak boleh menyelesaikan masalah. Analisis juga mendapati fatwa yang dihasilkan bersifat progresif, hasil daripada sifat keterbukaan dan memberi perhatian kepada perubahan semasa. Walau bagaimanapun masih perlu diperbaiki aspek kaedah dan metodologi mengeluarkan hujah dan rujukan kepada mazhab selain Syafi`i.

¹⁹Hasnan Kasan (2008), *Institusi Fatwa Di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

²⁰Ahmad Hidayat Buang. Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah* 2002; 10 : 39-52 dan Ahmad Hidayat Buang. Analisa Fatwa-Fatwa Syariah di Malaysia. Dalam : Ahmad Hidayat bin Buang, editor. *Fatwa Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jabatan Syariah dan Undang-Undang ; 2004.

Azman Ab. Rahman²¹ dalam penulisannya yang terkinipula memperincikan soal metodologi dan hubungannya dengan penerimaan fatwa oleh masyarakat. Justeru, proses pengeluaran fatwa melalui penyelidikan dan perbincangan terperinci serta mengambil kira kemaslahatan dan *maqasid shari`ah* menjadi pemangkin kepada penerimaan masyarakat kepada fatwa termasuk juga dalam bidang muamalat.

Negara jiran Malaysia seperti Brunei misalnya telah mengeluarkan kompilasi atau himpunan fatwa oleh Mufti Kerajaan Brunei²² berkaitan isu-isu kewangan yang difatwakan antara tahun 1962 hingga 1999 yang membahagikan bidang muamalat kepada dua iaitu urusan peribadi seperti munakahat dan faraid serta urusan am seperti jualbeli, hibah dan wakaf yang selari dengan kajian ini. Oleh kerana pembukuan dibuat untuk menjadi panduan hukum kepada masyarakat umum maka ia dipaparkan dengan secara ringkas sahaja. Justeru, kaedah penelitian yang digunakan bagi mengeluarkan hukum juga tidak dinyatakan secara jelas di bahagian pendahuluan termasuk penggunaan *maqasid shari`ah*, bagaimanapun ada dinyatakan tentang penggunaan dalil nas dan akal dalam fatwa yang dikeluarkan. Bagaimanapun, penulisan ini boleh dijadikan rujukan walaupun ia dikeluarkan di Brunei kerana sebahagian soalan adalah berkaitan isu-isu yang ada di Malaysia seperti Amanah Saham Nasional dan wang khairat kematian begitu juga jawapan yang menggunakan contoh-contoh yang ada di Malaysia seperti Tabung Haji dan Bank Islam Malaysia Berhad.

Himpunan fatwa oleh negeri-negeri di Malaysia pada ketika ini juga memperlihatkan format yang lebih sistematik dalam memberikan jawapan kepada persoalan hukum yang dibangkitkan oleh masyarakat berbanding awal 1980an. Perkara ini disebabkan kompilasi adalah dalam bentuk kertas perbincangan dalam mesyuarat. Sebagai contoh al-Hikmah²³ membentangkan persoalan dengan format menyatakan tujuan, latar belakang dan isu, keputusan panel syariah, hujah dan dalil serta syor. Manakala jawapan dalam bentuk keputusan hukum (fatwa) oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak disertakan dengan hujah dalil al-Quran, hadis, ijmak sahabat, kitab-

²¹Azman Ab Rahman Konsep Fatwa dan Cabaran Penguatkuasaannya Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa* 2011; 2: 7-26.

²²Jabatan Mufti Kerajaan (2000), *Fatwa Mufti Kerajaan- Isu-Isu Kewangan*, Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.

²³Jabatan Mufti Negeri Selangor (2005), *AL-HIKMAH (Himpunan Kertas-kertas Kerja Yang Dibincang Dan Diputuskan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor (2000-2001)*, Shah Alam: Jabatan Mufti Selangor.

kitab fiqh, kaedah fiqh dan pandangan ulama masa kini. Justeru, kelemahan yang disebutkan oleh Othman Ishak dan Hasnan Kasnan berkaitan rujukan terhadap fatwa yang dikeluarkan nampaknya telah ditangani oleh pihak berkuasa dalam fatwa khususnya Jabatan Mufti.

Perbincangan ringkas oleh Mohd Syarif Bashir et.al.²⁴ tentang aplikasi *maqasid shari`ah* dalam transaksimuamalat maliyyah atau hal-ehwal harta masakini dalam contoh kad kredit mendapati keharusannya bagi menjaga kemaslahatan masyarakat dan agama dalam dunia moden hari ini. Perbincangan yang berasaskan realiti semasa ini sangat berfaedah, bagaimanapun penambahbaikan dengan meletakkan dalil yang berkaitan adalah sangat dicadangkan.

Ahcene Lahsasna²⁵ pula menumpukan perbincangan dalam konteks kewangan semasa iaitu meletakkan antara kelayakan para mujtahid atau mufti atau penasihat syariah ialah mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang *maqasid shari`ah* bersekali dengan pengetahuan tentang objektif syariah dalam kewangan Islam dan kewangan Islam itu sendiri. Perkara ini sangat relevan yang bukan sahaja memaparkan kepentingan menggunakan *maqasid shari`ah* dalam setiap proses pengeluaran fatwa bahkan menjadikannya satu piawaian bagi pemantauan fatwa yang tepat dan sahih. Tulisan beliau yang lebih terperinci dan agak meluas tentang fatwa kewangan Islam telah memasukkan perbincangan dasar metodologi dan teknik pengeluaran fatwa yang bersesuaian dan bertepatan dalam hukum dan kewangan Islam berserta fungsi majlis penasihat syariah dan urustadbirnya serta analisis beberapa fatwa dalam bentuk resolusi oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia serta bank dan institusi kewangan Islam terpilih dari seluruh dunia.²⁶

Penulisan yang membincangkan perkara yang hampir sama dilakukan oleh Norhazlina Ibrahim²⁷ berkaitan ijtihad dalam kewangan Islam yang mampu menyelesaikan isu-isu baharu dalam kewangan Islam. Khususnya dalam isu kontrak *bay` inahdan bay` al-dayn* yang kedua-duanya

²⁴Mohd. Syarif Bashir dan Hisham Sabri (2008), *Maqasid al-Shari`ah al-Islamiyyah wa Tatbiqatuhafi al-Mu`amalat al-Maliyyah*, Nilai: Unit Penerbitan Universiti Sains Islam Malaysia.

²⁵Ahcene Lahsasna. Fatwa and its Shariah Methodology in Islamic Finance. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa* 2011; 2: 133-181.

²⁶Ahcene Lahsasna (2011), *Introduction to Fatwa, Shariah Supervision & Governance in Islamic Finance*, c. 2, Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.

²⁷Norhazlina Ibrahim. Ijtihad and Its Application in Islamic Finance. *Kajian Syariah dan Undang-undang* 2012; 4: 119-129.

tidak mempunyai dalil yang jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah seterusnya menghasilkan hukum yang berbeza di kalangan ulama. Justeru ijtihad secara *jama`i* diperlukan bagi memastikan hukum yang selaras dan tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan orang awam.

Manakala penulisan oleh Zulkifli Muhamad Al-Bakri²⁸ menganalisis peruntukan fatwa di Negeri Sembilan termasuk peruntukan fatwa muamalat dalam enakmen pentadbiran perundangan Islam yang menjadi enakmen induk kepada pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia dengan mengemukakan beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan.

Setakat penelitian yang dibuat, kajian terperinci terhadap fatwa kebangsaan di Malaysia tidak banyak dilakukan. Kebanyakan kajian adalah berkaitan dengan analisis terhadap fatwa di negeri-negeri malahan sangat sedikit yang mengkaji aspek muamalat. Kalau adapun adalah kajian dalam bentuk latihan ilmiah di peringkat sarjana muda oleh Mohd Hamidi Zakaria²⁹ dan Nurwahida Ahmad Ludin.³⁰

Mohd Hamidi menganalisis teks fatwa-fatwa muamalat semasa antara tahun 1980 hingga 2002 oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Analisis dilakukan terhadap metodologi hukum, sumber rujukan dan pewartaan. Beliau mendapati metodologi hukum tidak dinyatakan di dalam teks fatwa yang dianalisis bahkan tidak menyatakan sumber rujukan fatwa yang dikeluarkan. Ia mungkin bagi memudahkan kefahaman masyarakat dan melancarkan pentadbiran. Bagaimanapun untuk menambahbaik aspek dokumentasi terutama dalam aspek metodologi pengeluaran hukum dan sumber yang digunakan perlu didokumentasikan agar fatwa menjadi lebih sistematik dan jelas.

²⁸Zulkifli Mohamad Al-Bakri. *Institusi Fatwa dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Sembilan*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

²⁹Mohd Hamidi Zakaria (2004), “ Analisis Fatwa-Fatwa Muamalat Semasa Dari Tahun 1980 hingga sekarang : Kajian Terhadap Fatwa Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”. (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

³⁰Nurwahida Ahmad Ludin (2004), “Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah: Analisis Terhadap Fatwa Mu`amalat”. (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Nurwahida Ahmad Ludin yang menganalisis fatwa muamalat Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah pula mendapati rujukan banyak dilakukan terhadap kitab-kitab fiqh dari pelbagai mazhab dengan keutamaan kepada kitab mazhab Syafi'i. Oleh kerana kedua-dua kajian yang dilakukan ini bersifat awalan, perbincangan yang lebih mendalam tidak dilakukan terutama dalam aspek penggunaan metodologi pengeluaran hukum bagaimanapun ia boleh dijadikan asas untuk kajian lanjut ini dilakukan.

Namun begitu terdapat kajian fatwa di peringkat nasional seperti yang dilakukan oleh Mohd Akram Dahaman³¹ yang mengkaji tentang perbezaan dalam fatwa disebabkan perubahan sosial. Kajian dilakukan di Malaysia dan Singapura dalam bentuk perbandingan dengan menumpukan kepada Fatwa-fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Majlis Ugama Islam Singapura. Liputan fatwa yang dikaji tidak menumpukan kepada bidang muamalat sahaja tetapi pelbagai bidang seperti munakahat, akidah dan kesihatan. Antara dapattannya terdapat fatwa yang berbeza dalam satu isu yang sama seperti fatwa tentang wakaf hartanah milik terhad yang mana ia adalah sah dan diterima menurut Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tetapi Majlis Ugama Islam Singapura menghukumkannya sebagai khairat sahaja bukan wakaf.

Kajian di negara jiran seperti oleh Cholil Nafis menjurus kepada fatwa-fatwa yang berkaitan dengan muamalat oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI).³² Analisis yang dilakukan terhadap fatwa-fatwa berkaitan perbankan, pasaran modal syariah dan insurans Islam mendapati berlaku penyerapan fatwa MUI dalam undang-undang perbankan syariah dan undang-undang insurans Syariah.

Kajian yang seumpamanya tetapi memfokuskan terhadap kaedah fatwa yang dilakukan di Brunei di bawah tajuk “Analisis Metode Fatwa Muamalat Oleh Mufti Kerajaan Brunei Dari Tahun

³¹Mohd Akram Dahaman @ Dahlan (2012), “Pengaruh Perubahan Sosial Dalam penetapan Fatwa Di Malaysia Dan Singapura : Kajian Terhadap Fatwa-Fatwa Muzakarah Jawatan kuasa Fatwa Kebangsaan (MJKF) Dan Majlis Ugama Islam Singapura) MUIS”. (Tesis Ijazah doctor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

³²Cholil Nafis, (2010), “Fatwa Fiqh Muamalat Majelis Ulama Indonesia :Studi Analisis Ke Atas Pemikiran Hukum, Metode Istinbat dan Penyerapannya Ke Dalam Peraturan Perundangan”. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

1962-2006”³³ mendapati penghujahan dalam fatwa muamalat adalah merujuk kepada nas al-Quran dan hadis, jika tiada nas yang boleh dikaitkan, fatwa akan merujuk kepada pandangan fuqaha dengan keutamaan kepada mazhab Syafi`i, para mufassir dan ahli hadis, fatwa semasa dan pandangan pakar. Nampaknya tidak jauh berbeza dengan metodologi di Malaysia.

Nampaknya kajian metodologi fatwa ini menjadi tumpuan kajian di negeri-negeri di Malaysia sama ada di peringkat sarjana atau doktor falsafah selain analisis substantif terhadap fatwa itu sendiri termasuk dalam bidang muamalat. Antaranya kajian oleh Alias Azhar di Kedah mendapati fatwa masih berpegang teguh kepada mazhab Syafi`i tetapi ada juga rujukan yang dibuat kepada kitab-kitab Hanafi dan Maliki. Analisis terhadap bidang muamalat mendapati hanya 8 daripada 37 fatwa berkaitan muamalat berdasarkan kepentingan dalam masyarakat atau dalam kata lain isu semasa yang memerlukan fatwa. Antaranya fatwa status wang simpanan dalam bank yang mengamalkan riba, dividen Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) serta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pembelian insurans dan jual beli emas dan perak dengan harga tangguh.³⁴

Noor Naemah Abd Rahman yang mengkaji fatwa di Kelantan pula mendapati tiada piawaian metode pengeluaran hukum yang konsisten dan fatwa lebih kepada Syafi`iyyah tetapi turut menerima pandangan di luar mazhab untuk menjaga kepentingan umum, tetapi berubah kepada pendekatan secara *ijtihad tarjih* dalam tahun 1990an iaitu mengambil pandangan ulama yang muktabar dengan mengambil-kira kekuatan dan kesesuaian. Bagaimanapun tidak ada pembahagian jelas tentang muamalat tetapi ia diletakkan selepas perbincangan tentang isu nikah dan cerai. Antara fatwa berkaitan ialah seperti faedah simpanan bank, hutang, wakalah, jualbeli, kontrak, insurans dan pinjaman.³⁵

Ahmad Zaharuddin yang mengkaji tentang fatwa di Pahang mendapati sumber-sumber hukum dan dalil-dalil penghujahan tidak dinyatakan dalam teks fatwa. Tiada pembahagian kategori

³³Haji Japar Hj Mat Dain @ Maidin (2011), “Analisis Metode Fatwa Muamalat Oleh Mufti Kerajaan Brunei Dari Tahun 1962-2006”. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akadem Pengajian Islam, Universiti Malaya).

³⁴Alias bin Azhar (2002), “Metodologi Fatwa Kedah 1985-1995”. (Disertasi Sarjana S yariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

³⁵Noor Naemah Abd. Rahman (2004), “Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan 1920an-1990an: Satu Analisis”. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

muamalat tetapi didapati fatwa tentang wakaf dan zakat. Terdapat juga sesuatu fatwa itu tidak diwartakan kerana ia berkaitan dengan kes-kes tertentu, golongan tertentu atau penguatkuasaan oleh agensi tertentu seperti Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam.³⁶

Mohd Akram di negeri Perlis mendapati terdapat pendekatan fatwa yang tidak konsisten antara *taqlidi* dan *tarjihi*. Bagaimanapun huraian terperinci tentang metodologi dalam pengeluaran hukum dilihat lebih jelas dalam aktiviti fatwa di Perlis. Namun begitu Perlis tidak terikat kepada satu-satu mazhab yang menjadikannya lebih fleksibel. Bagaimanapun sumber rujukan asasi masih lagi kepada al-Quran dan sunnah, diikuti dengan fatwa sahabat yang hampir dengan al-Quran dan al-Sunnah, *Hadith mursal* dan *daif*, Qiyas, darurat, *Masalih mursalah*, *Sadd al-dhara'i*, *Istihsan*, *Istislah* dan *Qawa'id fiqh* mengikut keutamaan. Analisis tertumpu kepada aspek penghujahan dan linguistik dengan sampel fatwa faedah simpanan bank, wajibnya zakat gaji dan pungutan zakat harta rakyat Perlis yang bermastautin di luar Perlis.³⁷

Begitupun terdapat juga kajian berbentuk analisis di Trengganu oleh Marbawi Taha³⁸ tentang pendekatan ijtihad dalam fatwa berkaitan dengan isu bayaran ansuran yang lebih tinggi daripada nilai pinjaman asal. Begitu juga kajian oleh Zamri Hashim³⁹ di Perak berkaitan fatwa menggunakan dalil al-Quran dalam isu zakat dan wakaf. Bagaimanapun dapatan oleh Ahmad Zaharuddin tentang tiadanya dalil-dalil penghujahan masih lagi berlaku dalam majoriti fatwa yang dikeluarkan.

Dalam perkembangan terkini, sebaran fatwa muamalat kepada masyarakat semakin meluas dengan wujudnya portal e-muamalat.⁴⁰ Portal ini memaparkan fatwa muamalat yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan berhubung isu-isu muamalat

³⁶Ahmad Zaharuddin Mohd Alias (2004), "Fatwa Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang Dari 1980-1997 : Satu Analisis". Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqhdan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

³⁷Mohd Akram Dahaman @ Dahlan (2005), "Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis : Kajian Berasaskan Fatwa 1990-2000". (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqhdan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

³⁸Mohd. Marbawi Taha (2006), Pendekatan Ijtihad dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Trengganu". (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

³⁹Zamri Hashim (2011), "Kaedah Pendalilan al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010." (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

⁴⁰Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <http://www.Islam.gov.my/muamalat> 11 Julai 2013.

antara tahun 1982 hingga kini. Penerangan ini bagaimanapun diberikan dengan ringkas iaitu dalam bentuk keputusan sahaja tanpa penghujahan. Walaupun memadai untuk masyarakat awam tetapi adalah lebih baik penghujahan diberikan untuk keperluan pihak-pihak yang memerlukan.

6.0 KESIMPULAN

Oleh kerana pengeluaran hukum dan fatwa adalah berdasarkan keperluan masyarakat dan menjawab serta memberi penjelasan kepada permasalahan yang dibangkitkan oleh masyarakat maka didapati terdapat perbezaan dalam fatwa sebelum dan selepas perbankan Islam diperkenalkan. Pada zaman sebelum merdeka dan sebelum perbankan Islam diperkenalkan, fatwa dikeluarkan untuk menjawab persoalan masyarakat setempat yang menumpukan terhadap zakat, riba dan sedikit tentang perbankan. Manakala metode yang digunakan masih merujuk kaedah di dalam ilmu Usul fiqh dan dalam konteks bahasa Melayu dan tempatan. Pada masa ini juga telah ada koleksi fatwa sama ada oleh individu atau pihak berkuasa seperti Jabatan Agama Islam.

Manakala pada zaman selepas merdeka sehingga awal tahun 1980an, penulisan dan kajian fatwa muamalat adalah lebih menyeluruh iaitu di peringkat kebangsaan dan membangkitkan banyak isu-isu yang didapati kemudiannya hampir sama dengan penulisan pada tahun 1990an hingga kini. Antaranya isu metodologi yang tidak dijelaskan, tiada keahlian khusus dan fatwa tidak selaras antara negeri dengan negeri dan antara negeri dan persekutuan masih lagi berlaku. Ini menampakkan ketiadaan sistem atau prosedur pengeluaran yang standard sehingga memberi kesan kepada penerimaan masyarakat.

Penulisan pada zaman selepas itu (1990an hingga sekarang) nampaknya memberi penumpuan kepada aspek-aspek yang telah dibangkitkan. Terdapatnya kajian yang memfokuskan kepada penerimaan masyarakat terhadap fatwa dan menegaskan penyelidikan yang menggunakan metodologi yang tepat termasuk *maqasid* dan rujuk kepada selain mazhab Syafi'i memastikan ia diterima untuk diamalkan oleh masyarakat dan juga industri muamalat.

Bagaimanapun isu rujukan kepada fatwa muamalat masih lagi wujud. Begitu jugaskop institusi fatwa yang dikaji hanya di peringkat negeri dan persekutuan. Manakala institusi yang juga berautoriti khasnya dalam perbankan dan sekuriti hanya sedikit kajian intensif yang dijalankan.

Namun begitu, terdapat pelbagai kajian dilakukan terhadap fatwa muamalat yang dilakukan secara analisis induktif iaitu menganalisis penggunaan atau aplikasi sesuatu kaedah atau formula seperti *maslahah* dan *maqasid shari`ah* dalam fatwa muamalat dan ada secara deduktif iaitu menganalisis fatwa muamalat secara umum bagi menghasilkan rumusan yang khusus seperti analisis terhadap fatwa muamalat di peringkat negeri-negeri.

Apa yang menarik isu-isu seperti hukum ASN dan persoalan tentang bank Islam dan Tabung Haji juga turut diberikan jawapan oleh mufti dari negara luar seperti Brunei. Justeru, fatwa serantau yang standard di peringkat ASEAN mungkin perlu diwujudkan atas dasar serumpun bangsa dan bahasa Melayu.

Kajian dan penulisan berkaitan fatwa di Malaysia selepas alaf 20 menampilkan unsur dinamik dan progresif apabila membincangkan realiti pelaksanaan terutamanya dalam aspek kewangan Islam tanpa membelakangkan aspek teras seperti metodologi pengeluaran hukum. Penambahan aturan dan kelayakan dalam pengeluaran fatwa adalah bagi memperlihatkan sifat fleksibel dan tetap hukum Islam dalam menangani perubahan. Bagaimanapun isu tentang sumber rujukan metodologi masih lagi menjadi persoalan walaupun kedua-duanya ada dalam sebahagian kompilasi oleh pihak berkuasa negeri. Sebaliknya rujukan kepada selain mazhab Syafi`i telah digunakan dengan agak meluas walaupun keutamaan masih kepada mazhab Syafi`i.

Terdapat juga kajian yang membuat perbandingan dalam aspek pengeluaran fatwa khususnya di negeri serantau seperti Singapura dan Brunei. Manakala kajian yang dijalankan di Malaysia tetapi menjurus kepada praktisnya di Indonesia berkaitan penyerapan dalam undang-undang adalah satu aspek yang boleh dikaji di Malaysia tinggal lagi isu penguatkuasaan nampaknya perlu dilakukan kajian. Begitu juga penulisan tentang perkembangan fatwa di Malaysia dari segala aspek nampaknya menjadi satu keperluan untuk didokumentasikan.

RUJUKAN

Abd. Hamid Yunus (1992), “Ijtihad dan Amalannya Dalam Pemikiran Fatwa Di Malaysia”. (Disertasi Sarjana Syariah, Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya).

Abd. Jalil Borham (1997), “Majalat Ahkam Johor Ditinjau Dari Aspek Latar Belakang Dan Pengaruhnya Terhadap Pentadbiran Sistem Muamalat Islam di Negeri Johor”. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya).

Abd al-Ra’uf Singkel, *Mir’ah al-Tullab* (diterjemahkan dari kitab *Fath al-Wahhab* karangan Malik al-Wahhab Bak, (1309H), Mekah: al-Matba’ah al-Muhammadiyah).

Ahcene Lahsasna. (2011). Fatwa and its Shariah Methodology in Islamic Finance. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 2, 133-181.

Ahcene Lahsasna. (2011), *Introduction to Fatwa, Shariah Supervision & Governance in Islamic Finance*, c. 2, Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.

Ahmad Hidayat Buang (2002). Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah* . 10 : 39-52.

Ahmad Hidayat Buang (2004). “Analisa Fatwa-Fatwa Syariah di Malaysia” dalam Ahmad Hidayat bin Buang (ed.) *Fatwa Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang.

Ahmad Zaharuddin Mohd Alias (2004), “Fatwa Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang Dari 1980-1997 : Satu Analisis”. (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Alias bin Azhar (2002), “Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Kajian Antara Tahun 1985-1995”. (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Azman Ab Rahman (2011). Konsep Fatwa dan Cabaran Penguatkuasaannya Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*. 2: 7-26.

Buku cenderamata Majlis Memperingati Tokoh Ulama Silam yang ke IX 1983/84- Tuan Guru Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad (1984), Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Cholil Nafis, (2010), “Fatwa Fiqh Muamalat Majelis Ulama Indonesia : Studi Analisis Ke Atas Pemikiran Hukum, Metode Istinbat dan Penyerapannya Ke Dalam Peraturan Perundangan”. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Haji Japar Hj Mat Dain @ Maidin (2011), “Analisis Metode Fatwa Muamalat Oleh Mufti Kerajaan Brunei Dari Tahun 1962-2006”. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian IslamUniversiti Malaya).

Hasnan Kasan. (2008). *Institusi Fatwa Di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hj. Wan Mohd. Saghir Abdullah (1997). *Al-Fatawa al-Fataniah Syeikh Ahmad Al-Fathani*. Jil. 2. C. 2. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

Ibn Manzur (t.t.), *Lisan al-`Arab*, J. 3, Beirut: Dar Sadir.

Irwan bin Muhammad Sabri (2012), *al-Ahkamwa al-Fatawa al-Shar`iyyahbayna al-Thabatwa al-Taghayyur*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 101-102.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my> 17 Mei 2012. Sebagai contoh lihat seksyen 49 (1) Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Jabatan Mufti Kerajaan (2000). *Fatwa Mufti Kerajaan- Isu-Isu Kewangan*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Brunei.

Jabatan Mufti Negeri Selangor (2005), *AL-HIKMAH (Himpunan Kertas-kertas Kerja Yang Dibincang Dan Diputuskan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor (2000-2001)*, Shah Alam: Jabatan Mufti Selangor.

Lokmanulhakim Hussain. Penyelarasan Isu Fatwa dan Cabaran. *Monograf INFAD 2013*; 2: 6-29.

Mohd Akram Dahaman @ Dahlan (2005), “Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis : Kajian Berasaskan Fatwa 1990-2000”. (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Mohd Akram Dahaman @ Dahlan (2012), “Pengaruh Perubahan Sosial Dalam penetapan Fatwa Di Malaysia Dan Singapura : Kajian Terhadap Fatwa-Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJKF) Dan Majlis Ugama Islam Singapura) MUIS”. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Mohd. Marbawi Taha (2006), Pendekatan Ijtihad dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Trengganu”. (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqhdan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Mohd Hamidi Zakaria (2004), “Analisis Fatwa-Fatwa Muamalat Semasa Dari Tahun 1980 hingga sekarang : Kajian Terhadap Fatwa Jawatankuasa Perundangan Hukm Syarak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”. (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Mohd. Syarif Bashir dan Hisham Sabri (2008). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa Tatbiqatuhafi al-Mu'amalat al-Maliyyah*. Nilai: Unit Penerbitan Universiti Sains Islam Malaysia.

Muhammad Abu Zuhrah (1957), *Usul al-Fiqh*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali (m. 505H), (1993M/1414H), *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*, j. 1, c. 3, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'ArabiMuassasah al-Tarikh al-'Arabi.

Mustafa Sanu Qutb (2000M/1420H). *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Masyriq.

Norhazlina Ibrahim. (2012). "Ijtihad and its Application in Islamic Finance". Dalam Irwan Mohd Subri (ed.). *Kajian Syariah dan Undang-undang*,4: 119-129.

Noor Naemah Abd. Rahman (2004), "Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan 1920an-1990an : Satu Analisis". (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Nurwahida Ahmad Ludin (2004), "Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah : Analisis Terhadap Fatwa Mu'amalat". (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Othman Ishak (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Shihab al-Din Abu `Amr. *al-Qamus al-Munjid*. Beirut: Dar al-Fikr.

Zamri Hashim (2011), " Kaedah Pendalilan al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010." (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Zayn al-`Abidin ibn Muhammad l-Fatani (t.t.), *Kasf al-Litham `an As`ilah al-Anam, (Hashiyah Kitab Wishah al-Afrah wa Asbah al-Falah*, Muhammad bin Isma`il Dawud al-Fatani, Kaherah: `Isa al-Babi al-Halabiwa Sharikah.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri. *Institusi Fatwa dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Sembilan*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.